

## 2.0 Tinjauan Kajian Lampau

### 2.1 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji akan bincang tentang kajian-kajian serupa yang telah dilakukan sebelum ini tentang disiplin, faktor-faktor yang mempengaruhi masalah disiplin, pencapaian akademik, dan faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik.

Walaupun terdapat kajian yang telah dibuat berkaitan dengan masalah disiplin dengan pencapaian pelajar, namun kajian-kajian ini kurang memberi penekanan kepada pelajar-pelajar golongan kelas pertengahan atas.

### 2.2 Faktor Mempengaruhi Masalah Disiplin Pelajar

Masalah disiplin pelajar di sekolah menengah sangat berkaitan dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh remaja. Kebanyakan masalah disiplin yang berkaitan dengan pelajar disebabkan oleh individu, orang dewasa, rakan sebaya dan juga persekitaran. Biasanya ketidakstabilan (instability), preoccupation with problems, tingkah laku bermasalah dan ketidakriangan yang selalu menghantui mereka dan menjadikan mereka mempunyai personaliti yang rendah dan membawa kepada masalah disiplin. Perkembangan fizikal dan kesihatan, keluarga dan rumah, status sosio-

ekonomi, rakan sebaya serta sekolah dan bilik darjah merupakan faktor-faktor yang telah mempengaruhi disiplin pelajar di sekolah.

Menurut Hurlock (1973), perubahan fizikal semasa baligh memberi kesan kepada tingkah laku remaja dari segi penyesuaian diri dan masyarakat. Menurutnya juga rumah dan keluarga merupakan punca masalah disiplin pelajar remaja kerana rumah dan keluarga tidak selalu sehaluan dengan perkembangan kognitif dan perkembangan sosial dan psikologi. Beberapa kajian (misalnya Nikally 1967, Schab 1970) mendapati ibu bapa yang merupakan ‘authoritarian’ atau berkuasa mendorong keretakkan hubungan remaja dan keluarga dan akhirnya memberi kesan kepada masalah disiplin.

Conger (1977), mendapati remaja daripada taraf sosio-ekonomi rendah menghadapi masalah kesihatan mental dan rohani yang disebabkan oleh kekurangan makanan seimbang dan mendorong mereka melakukan masalah kurang berdisiplin.

Rakan sebaya sangat penting dalam semua peringkat usia untuk perkembangan psikologi dan sosial terutamanya pada zaman remaja. Kajian-kajian Brownstone dan Willis (1971), Collins dan Thomas (1972), mendapati bahawa remaja cuba menyesuaikan diri dengan tekanan rakan sebaya. Menurut Mc Govern (1967), mendapati bahawa remaja mesti mempunyai nilai tertentu sesuatu kumpulan supaya mereka diterima dalam kumpulan itu.

Ini yang adakalanya menyebabkan remaja terpaksa melanggar disiplin untuk menjadi ahli kumpulan tersebut. Ini banyak berlaku di kalangan pelajar lelaki berbanding dengan pelajar perempuan. Oleh itu pelajar lelaki lebih bermasalah disiplin berbanding dengan pelajar perempuan.

Menurut Hargreaves (1972), pelajar-pelajar akan cuba bertindak kurang berdisiplin apabila mereka tidak suka kepada seseorang guru yang selalu mencaci mereka, memberi tugas yang banyak tanpa timbangrasa, tidak mengendalikan pelajaran dengan baik dan tidak menjelaskan pelajaran dengan baik. Pendapat Hargreaves (1972), dipersetujui oleh Wattenberg (1973), di mana guru yang mengajar dengan baik dan mengambilkira masalah pelajar dalam kelas akan disukai oleh pelajar dan menurut segala perintahnya.

Menurut Po Yin Drew dan David Watkins (1998), proses pembelajaran dipengaruhi oleh variabel personaliti pelajar. Ia seterusnya mempengaruhi pencapaian akademik pelajar.

### **2.3 Masalah Disiplin dan Pencapaian Akademik**

Kebanyakan masalah yang dihadapi oleh remaja yang menyebabkan wujudnya masalah disiplin boleh diatasi oleh remaja secara persendirian atau dibantu oleh orang lain. Sesetengah remaja dapat mengawal masalah mereka dan dapat memberi tumpuan kepada pendidikan. Manakala ada segelintir pula

memerlukan bimbingan dan panduan daripada guru-guru, ibu bapa, rakan sebaya atau orang dewasa lain. Ada pula remaja yang tidak sanggup dan tidak mendapat panduan atau bantuan yang menyebabkan mereka menghadapi beberapa masalah dan akhirnya menjelaskan pendidikan dan pencapaian akademik mereka.

Menurut S. Samuel Peng (1993), pencapaian akademik pelajar sangat berkaitan dengan disiplin pelajar tersebut. Tahap disiplin yang baik akan menjanjikan pencapaian yang positif dan tahap disiplin yang rendah sebaliknya.

### **2.3.1 Masalah Perkembangan Kesihatan Mental dan Fizikal**

Remaja yang mempunyai masalah kesihatan mental dan fizikal akan bertindak sebagai remaja bermasalah disiplin. Clerk (1968) dalam kajiannya menyatakan bahawa tindak balas mental mempengaruhi pencapaian akademik. Remaja yang mempunyai kesihatan mental yang baik akan mendapat pencapaian akademik yang tinggi berbanding dengan kesihatan mental yang kurang baik. Ini adalah kerana mereka dapat mendisiplinkan diri dan mematuhi segala peraturan.

Kajian Sandefur dan Bigge (1966) dengan menggunakan soal selidik Mooney pada 217 pelajar di gred 8 dn 9 mengenalpasti bahawa masalah perkembangan kesihatan mengujudkan masalah disiplin di sekolah. Masalah disiplin ini pula mempengaruhi pencapaian pelajar dalam akademik mereka.

Dengan mengambil kira dua kajian di atas dapat dibuat kesimpulan bahawa masalah kesihatan mental dan fizikal mempengaruhi masalah disiplin pelajar dan seterusnya menentukan pencapaian akademik pelajar.

### **2.3.2 Masalah Rumah dan Keluarga**

Hubungan rumah dan keluarga dengan masalah disiplin sangat-sangat berkaitan. Tindakan pelajar di sekolah, perangai pelajar di sekolah, sangat-sangat ditentukan oleh pengaruh rumah dan keluarga, seorang pelajar yang mempunyai masalah di rumah akan mempunyai masalah disiplin di sekolah dan seterusnya pencapaian akademik mereka pun akan menurun.

Kajian Minner (1968), mendapati bahawa saiz keluarga berhubungkait dengan tingkahlaku pelajar di sekolah. Menurut beliau, saiz keluarga yang besar akan menyebabkan pencapaian pelajar dalam akademik akan menurun terutamanya bagi anak-anak yang lebih tua. Perkara ini terjadi kerana mereka tidak dapat memberi tumpuan kepada pelajaran kerana terpaksa menjaga

adik-beradiknya. Sikap autoriterian akan wujud pada diri mereka dan akan sentiasa membuatkan orang lain menganggap apa yang mereka lakukan adalah betul dan perlu diikuti oleh orang lain.

Kajian Mc Dill and Coleman (1965), mendapati bahawa ibu bapa mempunyai pengaruh yang besar ke atas tingkahlaku anak-anak mereka. Ibu bapa yang tidak mementingkan tingkahlaku yang baik dan sentiasa mempunyai masalah di kalangan anggota keluarganya akan mencorakkan anak-anak mereka dengan kelakuan kurang berdisiplin dan seterusnya mengabaikan akademik.

Morrow and Wilson (1961), mendapati ibu bapa yang berpendidikan tinggi dengan lebih berkeyakinan, lebih mendorong ke atas pencapaian dan kurang menyekat akan membentuk anak-anak yang berdisiplin tinggi atau bermoral dan mendorong mereka mencapai pencapaian akademik yang tinggi.

Kajian Herman Brutsaert (1998), mendapati bahawa ibu bapa lebih gemar menghantar anak-anak mereka ke sekolah yang mempunyai persekitaran dan keadaan disiplin pelajar yang baik. Tujuan ibu bapa adalah untuk mengujudkan satu situasi disiplin yang baik kepada anak-anak mereka dan seterusnya ianya dapat meningkatkan pencapaian akademik mereka. Pelajar daripada keluarga yang mengambil berat tentang disiplin pelajar

walaupun tahap sosio-ekonomi keluarga adalah rendah tetapi pencapaian akademik adalah tinggi.

Menurut Herman Brutsaert juga, pihak sekolah yang selalu berinteraksi dengan ibu bapa menghasilkan pelajar yang mencapai pencapaian akademik yang tinggi kerana ianya mengawal kelakuan dan seterusnya membantu pelajar mereka.

### **2.3.3 Masalah Rakan Sebaya**

Rakan sebaya merupakan faktor utama yang mempengaruhi dan mencorak tingkahlaku pelajar terutamanya remaja di sekolah. Tindakan-tindakan yang diambil oleh remaja di sekolah sedikit sebanyak dipengaruhi oleh rakan sebaya. Ini adalah kerana mereka inginkan penerimaan pada kumpulan-kumpulan tertentu yang mereka sukai (social acceptance/peer acceptance).

Ryan dan Davis (1958), mendapati terdapat sedikit hubungan positif antara penerimaan sosial dengan pencapaian sekolah. Poterfield dan Schlichtung (1961), telah menggunakan soal selidik pelbagai faktor (multiple-factor questionnaire) untuk mengkaji status rakan sebaya oleh 981

pelajar daripada gred 6. Mereka telah melaporkan bahawa ada hubungan antara status rakan sebaya dengan pencapaian pembacaan.

Sheppard (1978), menyatakan bahawa penerimaan remaja dalam kumpulan rakan sebaya adalah sangat-sangat penting kepada pelajar kerana ia yang menentukan tingkahlakunya dan juga pencapaian akademiknya. Menurutnya pelajar yang lebih riang dengan persekitaran sekolah akan lebih berkelakuan baik dan mendapat keputusan yang baik dalam akademiknya. Manakala kumpulan lagi satu pula akan lebih memberi masalah disiplin kepada guru dan pihak sekolah kerana mereka akan cuba mencari jalan untuk diterima oleh kumpulan rakan sebaya. Ini akan merendahkan pencapaian akademik mereka.

#### **2.3.4 Masalah Berkaitan Situasi Sekolah dan Bilik Darjah**

Masalah berkaitan dengan sekolah dijangka mempunyai hubungan negatif ke atas pencapaian akademik pelajar. Masalah seperti kurikulum sekolah, sikap negatif ke atas sekolah, layanan tidak adil oleh guru dan pengajaran yang tidak berkesan telah mempengaruhi tingkah laku pelajar. Faktor-faktor seperti ini telah menyebabkan tindakan kurang berdisiplin oleh pelajar terutamanya golongan remaja yang telah sedia dikenali sebagai golongan bermasalah. Akhirnya faktor ini menyebabkan mereka tidak mendapat pencapaian akademik yang baik.

Frankel (1960), dalam kajiannya menyatakan bahawa pelajar yang bertingkahlaku positif dan bersikap positif mempunyai pencapaian akademik yang baik. Sikap negatif dan kurang disiplin terhadap sekolah dan guru telah menyebabkan pelajar memperolehi pencapaian yang rendah.

Tingkahlaku dalam bilik darjah juga memberi kesan ke atas pencapaian pelajar. Cohen (1958), membuat kajian ke atas pelajar daripada 33 bilik darjah di sekolah tinggi junior berkaitan dengan tingkahlaku positif di antara hubungan guru dengan pencapaian akademik mendapat ada hubungan signifikan.

Menurut Grisay, Aletta (1994) dalam kajiannya di Prancis, keadaan sekolah mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Dalam variabel keadaan sekolah, disiplin pelajar menjadi unsur yang penting selain daripada unsur-unsur seperti situasi sekolah, peluang untuk belajar, pengurusan masa dan peraturan.

Charles Clark (1998) pula mendapat hubungan guru-murid adalah penting kerana hubungan ini secara tak langsung boleh mempengaruhi tahap disiplin pelajar. Apabila hubungan ini dapat mengawal tahap disiplin maka pencapaian akademik pelajar juga dapat dipertingkatkan.

Frankel (1960), dalam kajiannya menyatakan bahawa pelajar yang bertingkahlaku positif dan bersikap positif mempunyai pencapaian akademik yang baik. Sikap negatif dan kurang disiplin terhadap sekolah dan guru telah menyebabkan pelajar memperolehi pencapaian yang rendah.

Tingkahlaku dalam bilik darjah juga memberi kesan ke atas pencapaian pelajar. Cohen (1958), membuat kajian ke atas pelajar daripada 33 bilik darjah di sekolah tinggi junior berkaitan dengan tingkahlaku positif di antara hubungan guru dengan pencapaian akademik mendapat ada hubungan signifikan.

Menurut Grisay, Aletta (1994) dalam kajiannya di Prancis, keadaan sekolah mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Dalam variabel keadaan sekolah, disiplin pelajar menjadi unsur yang penting selain daripada unsur-unsur seperti situasi sekolah, peluang untuk belajar, pengurusan masa dan peraturan.

Charles Clark (1998) pula mendapat hubungan guru-murid adalah penting kerana hubungan ini secara tak langsung boleh mempengaruhi tahap disiplin pelajar. Apabila hubungan ini dapat mengawal tahap disiplin maka pencapaian akademik pelajar juga dapat dipertingkatkan.

### **2.3.5 Hubungan Tekanan dengan Pencapaian Akademik**

Kirkland (1972) mendapati bahawa pelajar yang mempunyai tekanan bertindak di luar kawalan. Mereka yang selalu terjebak dalam masalah disiplin. Mereka yang selalu menghadapi masalah dengan guru, rakan sebaya dalam kelas dan sebagainya. Ini telah mendorong mereka mendapat pencapaian akademik yang rendah. Manakala pelajar-pelajar kurang mempunyai tekanan dapat menumpukan perhatian kepada akademik dan mencapai keputusan yang baik.

Sousson, Helen (1995) dalam kajianya di Florida mendapati bahawa penekanan kepada disiplin diri (self discipline) dapat meningkatkan pencapaian akademik. Seseorang pelajar berdisiplin diri dapat mengawal tingkah lakunya di sekolah dan kurang akan terlibat dalam masalah disiplin. Ini membolehkan mereka menumpukan perhatian kepada pelajaran.

### **2.3.6 Masalah Sosio-Ekonomi**

Menurut Bank (1976) kemiskinan, rumah yang tidak sesuai, terlalu ramai anggota dan masalah lain masih mempengaruhi pencapaian akademik pelajar terutamanya kumpulan remaja. Ng (1971) dan Oh (1969) menyatakan bahawa ada hubungan antara status sosio-ekonomi dengan masalah disiplin dan seterusnya kepada pencapaian akademik. Pandangan mereka adalah lebih tinggi taraf sosio-ekonomi lebih baik pencapaian akademik.

Kajian di Malaysia oleh Kementerian Pendidikan (1973) mendapati bahawa pelajar daripada taraf sosio-ekonomi yang rendah mempunyai masalah disiplin yang banyak di sekolah dan akhirnya mendorong kepada keciciran berbanding dengan pelajar daripada golongan kelas pertengahan dan kelas atasan.

Grisay, Aletta (1994) juga mendapati bahawa masyarakat SES tinggi memperolehi pencapaian akademik yang tinggi.

Dalam kajian Herman Brutsaert (1998), beliau mendapati latar belakang sosio-ekonomi tidak begitu mempengaruhi pencapaian akademik di sekolah Katholik di Belgium kerana sekolah tersebut mementingkan tahap disiplin di sekolah. Manakala di sekolah kerajaan (state school), sosio-ekonomi memang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar.